



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

# INFO@MAFI



## PEMERKASAAN BIOSEKURITI TUMBUHAN MENJAMIN SEKURITI MAKANAN NEGARA



# SIMPOSIUM BIOSEKURITI TUMBUHAN 2022



Bertemakan Pemerksaan Biosekuriti Tumbuhan Menjamin Sekuriti Makanan Negara, Simposium Biosekuriti Tumbuhan 2022 yang diadakan pada 13 September lalu telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan .

YB Menteri memberitahu kesiapsiagaan negara dalam menghadapi ancaman biosekuriti akan dipertingkatkan dengan pematapan regulasi pengimportan tumbuhan dan produk tumbuhan.

Ia perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan perosak dan penyakit yang boleh mengancam industri tanaman tidak memasuki negara serta memberi kesan kepada sektor agromakanan negara.

MAFI melalui Jabatan Pertanian Malaysia membelanjakan sekurang-kurangnya RM3 juta setahun bagi mengurus dan mengatasi isu serangan perosak serta penyakit tanaman di negara ini untuk memastikan sistem biosekuriti negara dilindungi.

Jabatan Pertanian Malaysia yang juga sebahagian daripada Organisasi Perlindungan Tumbuhan Kebangsaan (National Plant Protection Organization - NPPO), sentiasa berusaha untuk memastikan

pelaksanaan biosekuriti tanaman dan tumbuhan menjadi keutamaan dalam memacu usaha ke arah pertanian yang lebih mampan.

Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negara secara dasar pula telah bersetuju dengan penubuhan Pusat Sehenti Kuarantin Negara (One Stop Quarantine Centre - OSQC) di pintu masuk utama pengimportan dan pengeksporan hasil pertanian dan agromakanan negara bagi terus memperkukuhkan kawalan biosekuriti.

Buku Garis Panduan Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan serta Buku Garis Panduan Permohonan Pengimportan Tumbuhan, Produk Tumbuhan dan Artikel Terkawal turut dilancarkan. Seramai 500 orang peserta telah hadir dalam Simposium ini.

Simposium Biosekuriti Tumbuhan 2022 diharap menjadi medan pertemuan bagi pencambahan ilmu serta perkongsian pengalaman berkaitan pengurusan biosekuriti tumbuhan di antara Jabatan Pertanian, institusi penyelidikan dan pemain industri.

MAFI akan terus mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan di sempadan khususnya di pintu masuk negara bagi memastikan keselamatan biosekuriti makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak berbahaya dapat dibendung serta dikawal.





# MESYUARAT YB MENTERI MAFI BERSAMA EXCO PERTANIAN NEGERI



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah mempengerusikan Mesyuarat bersama Exco-Exco Pertanian Negeri di Wisma Tani pada 20 September 2022 yang lalu.

Mesyuarat turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Exco-Exco Pertanian daripada 13 buah negeri, wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), pegawai-pegawai kanan Kementerian serta Ketua Jabatan dan Agensi MAFI.

Agenda mesyuarat kali ini merangkumi lima pembentangan, iaitu dua Kertas Pertimbangan dan tiga Kertas Makluman. Kertas pertimbangan yang dibentangkan termasuk Cadangan Pewartaan, Penyelenggaran dan Pemodenan Taman Keka Pengeluaran Makanan (TKPM) serta Cadangan Penubuhan dan Terma Rujukan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Pertanian Peringkat Daerah sebagai usaha bersepadu bagi mengoptimumkan tanah pertanian sedia ada dan belum dibangunkan dalam meningkatkan pengeluaran makanan negara.

Mesyuarat turut dimaklumkan status sekuriti bekalan makanan negara yang diunjur kekal stabil dan mencukupi khususnya bagi lapan komoditi utama iaitu beras, daging ayam, daging lembu/kerbau, telur, susu segar, ikan, buah dan sayur.

Agrobank turut membentangkan kemudahan pembiayaan bagi golongan sasaran yang terlibat dalam aktiviti di sepanjang rantai nilai agromakanan termasuk pengeluaran hasil, tanaman, perikanan, ternakan, industri makanan dan agropelancongan serta aktiviti sokongan seperti pemasaran dan penghantaran makanan.

Mesyuarat turut membincangkan hala tuju keputusan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Ke-139 berkaitan cadangan sinergi antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bagi pengukuhan sekuriti bekalan makanan negara. Pelbagai inisiatif sedia ada dan baharu dimanfaatkan sepenuhnya bagi melaksanakan semua keputusan tersebut.

MAFI melalui kerjasama strategik dan kolaborasi berterusan dengan Kerajaan Negeri akan memperkasa sektor agromakanan negara untuk meningkatkan sekuriti bekalan makanan demi kesejahteraan pengeluar makanan dan keseluruhan Keluarga Malaysia selari dengan aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).





# Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri Pahang

Pada 22 September 2022, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) kali ke-49 di GEO Resort & Hotel, Genting Highlands, Pahang.

YB Menteri mengucapkan syabas dan tahniah kepada PASFA kerana telah berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti pertanian dan perniagaan dengan jumlah pendapatan yang sangat memberangsangkan iaitu melebihi RM34.8 juta dengan keuntungan melebihi RM12 juta.

Keuntungan yang diperoleh akan memberi manfaat secara langsung mahupun tidak langsung kepada hampir 66,000 ahli peladang negeri Pahang.

PASFA dan Pertubuhan Peladang perlu terus meneroka dan mengambil peluang perniagaan baharu dan dinamik, sesuai dengan perkembangan teknologi semasa melalui Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Mesyuarat Agung Tahunan PASFA kali ini, mencapai persetujuan menangguhkan pemilihan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang di semua peringkat bagi tahun 2023 ke 2024 setelah mengambil kira cabaran pandemik COVID-19.

Tempoh memegang jawatan Ahli Jemaah Pengarah akan dipinda daripada dua tahun kepada tiga tahun bagi satu penggal agar tempoh masa yang lebih panjang diberikan kepada Jemaah Pengarah bagi melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang diamanahkan khususnya dalam fasa pemulihan pasca pandemik COVID-19.

MAFI dan Lembaga Pertubuhan Peladang sebagai Pendaftar Peladang akan memastikan pengurusan NAFAS, Pertubuhan Peladang Negeri dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan dilaksanakan secara baik, efisien dan sesuai dengan matlamat penubuhannya sekaligus memastikan kebajikan serta kesejahteraan ahli-ahlinya terus dipelihara.



# SESI LIBAT URUS MAFI DENGAN MOF BAGI PERANCANGAN BELANJAWAN BAJET 2023

Sesi libat urus MAFI dengan Kementerian Kewangan telah diadakan bagi perancangan belanjawan menyeluruh yang mengutamakan Keluarga Malaysia pada Bajet 2023 nanti.

Perbincangan Bajet 2023 MAFI bersama barisan-barisan pengurusan tinggi MOF dipengerusi oleh Menteri Kewangan, YB Tengku Zafrul.

Menjelang pembentangan Bajet 2023 MAFI telah mengemukakan pelbagai cadangan dan inisiatif Kementerian bagi memperkasa sekuriti makanan negara dan telah mendapat reaksi positif oleh pihak MOF.

Dalam memacu sektor agromakanan negara sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), fokus MAFI dalam bajet 2023 lebih ke arah pengukuhan momentum pemulihan ekonomi, pengukuhan daya tahan ekonomi serta pelaksanaan pembaharuan komprehensif.

MAFI sentiasa menjalankan tanggungjawab mengambil langkah-langkah dan mengolah dasar agromakanan yang berimpak tinggi supaya sektor agromakanan negara terus kekal utuh dan terjaga demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.



# PROGRAM SEMARAK TANI KELUARGA MALAYSIA DI BELURAN, SABAH

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya bergerak secara bersepadu menjayakan Program Semarak Tani Keluarga Malaysia di Beluran, Sabah dalam menyampaikan maklumat berkaitan pendekatan serta dasar Kerajaan kepada komuniti Agro Makanan di Sabah.

Diskusi Industri Agro Makanan telah memberi ruang kepada masyarakat setempat bertanya dan berinteraksi secara terus dengan agensi-agensinya di bawah MAFI berkenaan program dan projek semasa pembangunan yang dilaksanakan di daerah Beluran, Sabah.

Usaha MAFI mengadakan program ini untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas langsung daripada komuniti agromakanan terhadap impak pelaksanaan dasar Kerajaan serta memberi keyakinan terhadap usaha dan komitmen Kerajaan dalam meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat.

Program Semarak Tani Keluarga Malaysia di Beluran, Sabah bertujuan membantu dalam pemerkasaan komuniti agromakanan luar bandar di samping menyampaikan maklumat berkaitan inisiatif dan dasar Kerajaan secara terus kepada rakyat di peringkat akar umbi.





## MAJLIS PELANCARAN SISTEM PENSKORAN MADU KELULUT



YB Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II telah melancarkan sistem penskoran madu kelulut pada 12 September 2022 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

Madu kelulut mempunyai banyak kelebihan berbanding madu lain di pasaran dan kualiti madunya sentiasa diuji dari semasa ke semasa. Bidang penyelidikan berkaitan industri kelulut kini dianggap berpotensi menjadi makanan unggul (superfood) negara.

Bagi menjayakan penyelidikan ini, para penyelidik UKM telah berkolaborasi bersama rakan penyelidik lain dari UNIMAS dengan kerjasama strategik dari industri Bayu Gagah (M) Sdn. Bhd. Majlis ini turut dihadiri pelbagai pemegang taruh dalam industri kelulut.

Sistem penskoran gabungan beberapa parameter ujian yang dijalankan oleh makmal berakreditasi (Makmal Bioserasi UKM dan UNIPEQ UKM) membuktikan analisis ini sangat terjamin kualitinya.

Unique Kelulut SuperFood Factor (UKSF) dijangka dapat membantu pengeluar dan penternak kelulut bagi memastikan produk madu yang dihasilkan berkualiti tinggi dan mempunyai faedah kesihatan yang diyakini.

UKSF berperanan membantu penternak dan pengeluar madu kelulut mendapatkan *star rating* bagi produk mereka dan boleh digunakan sebagai penanda aras.

## KONVENSYEN KEBANGSAAN KUMPULAN PENGGUNA AIR 2022

Bertemakan Petani Hero Makanan Negara, Konvensyen Kebangsaan Kumpulan Pengguna Air (KPA) 2022 telah diadakan pada 27 hingga 29 September lalu di Bayou Lagoon Park Resort, Bukit Katil Melaka.

Majlis perasmian konvensyen tersebut disempurnakan oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I. Seramai 180 peserta telah menyertai konvensyen itu yang terdiri daripada petani, IADA, MADA, KADA dan JPS Negeri.

Konvensyen KPA diadakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman petani dalam bidang pengairan dan saliran pertanian, serta hala tuju Kumpulan Pengguna Air. Petani juga berpeluang mengutarakan pendapat dan saling berkongsi pengalaman untuk mendorong KPA bersaing secara sihat.

Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian MAFI telah membangunkan Indeks Penanda Aras Kebangsaan Kumpulan Pengguna Air atau MyKPA untuk menilai dan mengukur prestasi KPA berdasarkan kriteria pemarkahan yang memfokuskan aspek Penginstitusian, Pengurusan Air, Pengurusan Kewangan dan Model Perniagaan yang bertujuan memberi pengiktirafan secara formal kepada KPA yang berpotensi tinggi.







## MIHAS 2022 PERKUKUH EKSPORT PKS KE LUAR NEGARA - PELANCARAN PAVILION MAFI DI MIHAS

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah menyertai Expo MIHAS 2022 pada 8 hingga 11 September lalu di MITEC, Kuala Lumpur.

Penyertaan MAFI pada kali ini memperkukuhkan lagi ruang pasaran eksport usahawan PKS bimbingan MAFI ke pasaran luar negara, selain peluang meneroka perdagangan di 42 buah negara yang terlibat dalam ekspo itu.

MAFI melalui usahawan bimbingan di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), dan Bio Economy Corporation (BEC) telah menghantar penyertaan sebanyak 20 buah syarikat dengan tambahan tiga pempamer iaitu AgroBazaar Online, MARDI dan NAFAS.

Usahawan PKS digalakkan menceburi bidang pengeksporan yang memiliki potensi pasaran lebih luas di samping mengetengahkan peranan MAFI dalam pembangunan ruang pasaran eksport bagi produk agromakanan negara.

MAFI turut menyediakan geran naik taraf pembangunan dan logistik eksport bagi membantu usahawan agromakanan tempatan merealisasikan tempahan eksport yang diterima.

MIHAS 2022 melibatkan penyertaan sebanyak 549 syarikat daripada 42 buah negara. Negara yang terlibat antaranya Indonesia, China, Filipina, Korea Selatan, Thailand dan lain-lain.

Sementara kategori produk yang dipamerkan pula terdiri daripada teknologi makanan, e-perdagangan, makanan dan minuman, kosmetik dan produk penjagaan diri.

Sebanyak 150 produk usahawan MAFI seperti produk agromakanan, produk kesihatan dan aplikasi e-dagang dipamerkan sepanjang ekspo tersebut berlangsung.

Produk biskut tinggi fiber, minuman sarang burung, kapsul kesihatan, biskut coklat oat, seri kaya madu gula melaka antara produk yang mendapat permintaan tinggi semasa ekspo itu.

MAFI sentiasa komited dengan kolaborasi strategik awam-swasta bagi memastikan usaha berterusan kementerian ini untuk memperkukuh jenama produk agromakanan tempatan menembusi pasaran antarabangsa, sekaligus menjadikan sektor pertanian dan agromakanan sebagai salah satu sektor utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.



# MALAM APRESIASI MAHA 2022



MAFI telah mengadakan Majlis Apresiasi MAHA 2022 pada 2 September lalu di MAEPS, Serdang bagi meraikan dan menghargai barisan sekretariat, petugas, rakan-rakan strategik serta rakan-rakan media sepanjang penglibatan dalam menjayakan penganjuran MAHA 2022.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata penganjuran MAHA 2022 mendapat sambutan luar biasa dengan kehadiran melebihi 1.47 juta pengunjung dan nilai jualan lebih RM281 juta.

Aktiviti perdagangan dan perniagaan sepanjang 11 hari penganjuran MAHA 2022 merekodkan hasil jualan sebanyak RM281.57 juta meliputi jualan terus, jualan atas talian serta padanan perniagaan.

YB Menteri berharap agar edisi MAHA 2024 dianjurkan sebagai pameran pertanian mega dengan memperluaskan penyertaan pempamer-pempamer dan rakan-rakan strategik dari luar negara

Kejayaan penganjuran MAHA 2022 ini merupakan hasil titik peluh dan kesungguhan daripada semua pihak yang terlibat.

Kerjasama erat antara barisan sekretariat, urusetia, petugas keselamatan dan sukarelawan yang sentiasa bersedia sedia dalam apa jua keadaan dalam memastikan penganjuran MAHA 2022 berjalan lancar.

Semoga kejayaan pelaksanaan MAHA 2022 menjadi titik semangat kepada penganjuran MAHA di masa akan datang.





# LENSA MAFI



16 September | Sambutan Hari Malaysia 2022 | Bandar Hilir, Melaka



3 September | Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJKM) peringkat Negeri Melaka | Merlimau, Melaka



20 September | Sambutan Hari Kopi dan Kelapa | Pusat Pertanian Parit Botak, Johor



13 September | Kunjungan Hormat Duta Besar Republik Islam Iran | Wisma Tani, Putrajaya



29 September | Persidangan Centre of Agriculture and Bioscience International (CABI) ke-21 | United Kingdom



2 September | Walkabout KSU MAFI ke Floria Diraja Putrajaya | Anjung Floria, Putrajaya



22 September | Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) | Teluk Intan, Perak



7 September | Lawatan TKSU Dasar ke Floria Diraja Putrajaya | Anjung Floria, Putrajaya



2-4 September | Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Kedah - Booth Pameran MAFI | Perkarangan Stadium Darul Aman, Kedah

## SIDANG REDAKSI:

**PENAUNG:**  
YBHG. DATO'  
HASLINA BINTI  
ABDUL HAMID  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN

**KETUA EDITOR:**  
SALMAH BINTI  
RAMLI

**EDITOR:**  
NURMAMAINAH  
ROSLAN

**PENULIS:**  
SARI NOR  
AMRIYAH  
SAIYASWARY  
A/P  
SURNARAYANA

**GRAFIK:**  
SURAIYA  
HANI BINTI  
ZAMARI  
NABILLAH  
ZAMRI

**JURU FOTO:**  
MOHD NAJIB  
BIN ABDUL  
JABAR  
KHAIRUL  
ANWAR

**IDEA, KONSEP &  
TERBITAN:**  
UNIT KOMUNIKASI  
KORPORAT, MAFI